

# Tingkat daya pengeluaran

# Naik gaji bukan jalan keluar: PM

08 AUG 1989

Oleh ZAMZAM OMAR  
dan WAN HAMIDI HAMID

KUALA LUMPUR, Selasa — Tuntutan, kenaikan gaji yang berterusan oleh pekerja akan mengakibatkan negara menghadapi tekanan pusingan inflasi yang tidak terkawal, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, kerajaan memandang berat soal peningkatan kadar inflasi kerana ia akan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara.

"Jika inflasi terus meningkat sehingga kita tidak dapat mengawalinya, negara ini akan menjadi seperti negara-negara Amerika Selatan yang menghadapi kadar inflasi sehingga 12,000 peratus. Ini bermakna, pengguna terpaksa membayar \$120 bagi setiap barang yang bernilai \$1.

"Bagaimanapun, kita di Malaysia tidak mungkin faham keadaan seperti itu kerana

ia tidak pernah berlaku di sini. Malah, kita sudah mula mengeluh hanya apabila tahap inflasi sekitar dua peratus," katanya.

Berucap merasmikan persidangan perwakilan Kesatuan Pekerja Keretapi (RUM), Perdana Menteri berkata, sekitar 1988 dan 1989, tahap inflasi negara ialah 2.5 peratus berbanding pertumbuhan ekonomi, iaitu lapan peratus.

Menurutnya, tahap inflasi mungkin naik kepada tiga peratus tahun ini berikutan kenaikan harga minyak.

Dalam hal ini, beliau berkata, keadaan itu akan menyebabkan harga barang meningkat dan seterusnya menyebabkan pekerja meminta naik gaji sementara pihak majikan pula terpaksa menaikkan harga barang keluarannya kerana kos pengeluaran yang meningkat.

"Keadaan ini tidak akan berhenti dan kadar inflasi terus meningkat dan yang menjadi mangsanya ialah rakyat dan pekerja serta negara.

"Dalam hubungan ini, menuntut gaji tinggi bukan jalan keluar. Sebaliknya, se-

tiap pihak perlu berusaha meningkatkan daya pengeluaran dan ini akan mengurangkan kos penghasilan. Untuk itu, tidak ada sebab bagi pengusaha untuk menaikkan harga barang," katanya.

Perdana Menteri berkata, memang menjadi dasar kerajaan mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak mungkin sehingga menyebabkan majikan terpaksa mencari pekerja dan membayar gaji tinggi kepada mereka.

Menurutnya, kini aliran syarikat tertentu menawarkan gaji tinggi kepada pekerja sudah wujud sehingga menimbulkan kemarahan di kalangan syarikat lain.

Beliau juga berkata, matlamat kerajaan mewujudkan kenaikan gaji pekerja secara aman sudah berhasil. Beliau yakin dengan kemajuan yang dicapai, pekerja akan terus menikmati gaji dan kesejahteraan yang lebih baik.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak pernah meniadakan hak pekerja dan berikutan itu kerjasama kedua-dua pihak sentiasa ditekankan.